

**SEJARAH DAN IMPLIKASI PENGHIJRAHAN
PENDATANG FILIPINA KE SABAH 1972
HINGGA 2014**

SITI RADZIA BINTI RAMLEE

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025

**SEJARAH DAN IMPLIKASI PENGHIJRAHAN PENDATANG FILIPINA KE
SABAH 1972 HINGGA 2014**

SITI RADZIA BINTI RAMLEE

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2025



Sila tanda (√)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

√


INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada **9 SEPTEMBER 2025**

i. Perakuan Pelajar

Saya, **SITI RADZIA BINTI RAMLEE (M20221001071) FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN** Dengan Ini Mengaku Bahawa Disertasi/Tesis Yang Bertajuk **SEJARAH DAN IMPLIKASI PENGHIJRAHAN PENDATANG FILIPINA KE SABAH 1972 HINGGA 2014** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau ke mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.



Tandatangan Pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **DR. SITI ZAHRAH BINTI MAHFOOD** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **SEJARAH DAN IMPLIKASI PENGHIJRAHAN PENDATANG FILIPINA KE SABAH 1972 HINGGA 2014** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian / sepenuhnya syarat untuk memperoleh **IJAZAH SARJANA SASTERA.**

9/9/2025

Tarikh



Tandatangan Penyelia

DR. SITI ZAHRAH BINTI MAHFOOD
Penyarah Kanan
Jabatan Sejarah
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: **SEJARAH DAN IMPLIKASI PENGIJRAHAN
PENDATANG FILIPINA KE SABAH 1972 HINGGA
2014**

No. Matrik /Matric's No.: **M20221001071**
Saya / I : **SITI RADZIA BINTI RAMLEE**
(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows: -

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) for category below:-*


SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*


TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done*

TIDAK TERHAD/OPEN ACCESS



(Tandatangan Pelajar/
Signature)



(Tandatangan Penyelia / Signature of
Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official
Stamp)

Tarikh: 9/9/2025

DR. SITI ZAHRAH BINTI MAHFOOD
Penyarah Kanan
Jabatan Sejarah
Fakulti Sains Komunitarian
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkepentingan yang menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, saya panjatkan kesyukuran yang tidak terhingga kepada-Nya. Dengan izin dan limpahan rahmat daripada Allah SWT, tesis ini akhirnya dapat disiapkan dengan sebaiknya. Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya tujukan kepada Penyelia Akademik saya, Dr. Siti Zahrah Binti Mahfood, atas tunjuk ajar, bimbingan, pandangan, kritikan serta cadangan yang sangat bermakna sepanjang proses penyempurnaan tesis ini. Komitmen dan kesabaran beliau dalam membimbing saya amat saya hargai. Seterusnya, terima kasih yang tidak terhingga juga saya tujukan kepada Penyelia Akademik asal saya, Professor Dr. Ishak Bin Saat, yang telah memberikan banyak panduan dan dorongan pada peringkat awal penyelidikan ini sebelum beliau bersara. Sumbangan ilmu dan bimbingan beliau tetap menjadi asas penting dalam perkembangan kajian ini. Ribuan terima kasih saya ucapkan kepada sahabat baik saya, Shazrawati Azizah Awang Aziz, atas bantuan material, dorongan moral dan sokongan yang tidak berbelah bahagi. Saya juga amat berterima kasih kepada keluarga tercinta atas doa, semangat dan sokongan berterusan sepanjang saya menempuh cabaran dalam menyiapkan tesis ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Bahagian Tajaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) atas kepercayaan dan peluang yang diberikan kepada saya untuk melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana melalui pembiayaan Hadiah Latihan Persekutuan di bawah Program Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) selama dua tahun. Tidak dilupakan juga Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Fakulti Sains Kemanusiaan (FSK) dan Jabatan Sejarah atas segala bantuan, kemudahan dan sokongan yang telah disediakan sepanjang tempoh pengajian saya. Khas buat permata hati saya, Maheera Dzakra, kehadiranmu di tengah-tengah perjuangan ini adalah anugerah yang paling indah dan menjadi sumber kekuatan yang tidak ternilai. Akhir sekali, ucapan terima kasih saya tujukan kepada rakan seperjuangan, Puan Lasmi Lukito dan Puan Siti Nor Hamidah, atas kerjasama, keprihatinan dan sokongan yang sentiasa ada sepanjang dua tahun perjalanan sebagai pelajar sarjana. Semoga tesis yang disiapkan ini dapat memberi manfaat kepada para pencinta ilmu sejarah.





ABSTRAK

Kajian ini menganalisis penghijrahan pendatang Filipina ke Sabah dalam tempoh 1972 hingga 2014 dengan memberi fokus kepada implikasinya dari sudut sosial, politik, ekonomi dan keselamatan, serta tindak balas pihak kerajaan. Sejak dekad 1970-an, Sabah menjadi tumpuan migran dari selatan Filipina, khususnya ekoran konflik bersenjata di Mindanao dan tekanan ekonomi domestik yang mendorong penghijrahan rentas sempadan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif sejarah melalui analisis data primer dan sekunder. Kajian ini menggunakan dokumentasi rasmi kerajaan Malaysia, laporan organisasi antarabangsa serta temubual terpilih dengan migran. Dapatan kajian menunjukkan bahawa fenomena penghijrahan ini telah mengubah struktur demografi Sabah dengan ketara, membawa kepada pertumbuhan populasi bukan warganegara dan mewujudkan cabaran dalam penyediaan perkhidmatan awam. Implikasi terhadap keselamatan dan kewarganegaraan turut ketara, khususnya berkaitan status pendatang tanpa dokumen sah dan konflik sosial antara komuniti tempatan dan migran. Dari segi ekonomi, kehadiran pendatang Filipina menyumbang kepada pasaran buruh dalam sektor intensif buruh, namun dalam masa yang sama menimbulkan kebimbangan tentang kebergantungan terhadap tenaga kerja asing dan persaingan dalam ekonomi informal. Di peringkat dasar, kajian meneliti respons kerajaan melalui pelbagai polisi, termasuk langkah kawalan imigresen dan program pemutihan, yang masih belum menyelesaikan isu jangka panjang berkaitan integrasi sosial dan kerakyatan. Kesimpulannya, penghijrahan pendatang Filipina ke Sabah telah mencetuskan impak berlapis yang bersifat berpanjangan terhadap landskap sosial dan politik negeri ini. Kajian ini menyarankan perlunya pendekatan dasar migrasi yang lebih inklusif, mampan dan berorientasikan penyelesaian jangka panjang. Sumbangan kajian ini memperkukuh pemahaman tentang dinamika migrasi serantau dan cabaran yang dihadapi oleh negeri penerima dalam konteks sejarah dan keselamatan kontemporari.





THE HISTORY AND IMPLICATIONS OF FILIFINO MIGRATION TO SABAH FROM 1972 TO 2014

ABSTRACT

This study examines the migration of Filipino nationals to Sabah between 1972 and 2014, focusing on its implications in the social, political, economic, and security domains, as well as the Malaysian government's responses. Since the 1970s, Sabah has become a key destination for migrants from southern Philippines, primarily due to armed conflict in Mindanao and domestic economic pressures driving cross-border movements. The research adopts a qualitative historical approach, utilizing both primary and secondary data sources. It draws on official Malaysian government documentation, international organizational reports, and selected interviews with migrants. The findings indicate that this migration phenomenon has significantly altered Sabah's demographic structure, contributing to the growth of a non-citizen population and generating challenges in public service provision. Security and citizenship-related implications are also prominent, particularly concerning undocumented migrants and rising social tensions between local communities and migrant populations. Economically, Filipino migrants play a substantial role in labour-intensive sectors, though their presence raises concerns over dependency on foreign labour and competition within the informal economy. At the policy level, the study reviews governmental responses, including immigration control measures and legalization programs, which have yet to resolve long-term issues surrounding social integration and statelessness. In conclusion, the migration of Filipinos to Sabah has produced layered and enduring impacts on the state's social and political landscape. The study calls for a more inclusive, sustainable, and solution-oriented migration policy framework. Its contribution lies in strengthening the understanding of regional migration dynamics and the complex challenges faced by receiving states in both historical and contemporary security contexts.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Penyataan Masalah	6
1.4 Persoalan Kajian	8
1.5 Objektif Kajian	9
1.6 Skop Kajian	10
1.7 Kepentingan Kajian	12
1.8 Metodologi Kajian	15
1.9 Kajian Lepas	19
1.10 Definisi Istilah	30

1.11 Pembahagian Bab 34

**BAB 2 SEJARAH LATARBELAKANG PENGHIJRAHAN
PENDATANG FILIPINA DI SABAH**

2.1 Pengenalan 37

2.2 Latar Belakang Sabah 41

2.2.1 Sejarah Kesultanan Brunei di Sabah 42

2.2.2 Peristiwa Perang Chermin 43

2.2.3 Sejarah Kesultanan Sulu di Sabah 44

2.2.4 Pertapakan Kuasa Kolonial di Sabah 48

2.3 Latar Belakang Penghijrahan Orang Filipina
ke Sabah 53

2.4 Faktor Penghijrahan Orang Filipina ke Sabah 59

2.4.1 Faktor Penarik 60

2.4.2 Faktor Penolak 74

2.5 Kesimpulan 85

**BAB 3 KESAN SOSIAL DAN POLITIK PENGHIJRAHAN
PENDATANG FILIPINA KE SABAH**

3.1 Pengenalan 87

3.2 Perubahan Demografi Sabah 1972-2014 89

3.2.1 Pelarian 99

3.2.2 Pendatang Tanpa Izin (PTI) 107

3.2.3 Golongan Tanpa Kewarganegaraan 108

3.3 Perubahan Komposisi Etnik dan Agama 110

3.4 Kesan Terhadap Perancangan Bandar 116

3.5 Kesan Perubahan Demografi Terhadap
Peruntukan Sumber 121

3.6 Kesan Penghijrahan Pendatang Filipina Terhadap Politik Sabah	127
3.7 Hubungan Malaysia-Filipina	132
3.8 Kesimpulan	139

BAB 4 KESAN EKONOMI PENGHIJRAHAN PENDATANG FILIPINA KE SABAH

4.1 Pengenalan	141
4.2 Kebergantungan Ekonomi Sabah Terhadap Buruh Filipina	143
4.3 Sumbangan Buruh Filipina dalam Pertumbuhan Sektor Utama Ekonomi Sabah	157
4.4 Pengagihan Pendapatan dan Impak Terhadap Mobiliti Tenaga Buruh Tempatan	165
4.5 Ekonomi Tidak Formal dan Ketirisan Pendapatan Negara	167

BAB 5 KESAN KESELAMATAN PENGHIJRAHAN PENDATANG FILIPINA KE SABAH

5.1 Pengenalan	178
5.2 Jenayah	181
5.3 Lanun	189
5.4 Ancaman Kedaulatan negeri Sabah	199
5.5 Kesimpulan	203

BAB 6 STRATEGI KERAJAAN MENANGANI PENGHIJRAHAN PENDATANG FILIPINA KE SABAH

6.1 Pengenalan	206
6.2 Program Pemutihan	209
6.3 Pasukan Petugas Khas Persekutuan Sabah dan Labuan	214

6.4 Perundangan dan Penguatkuasaan Malaysia	216
6.5 Suruhanjaya Siasatan Diraja Mengenai Pendatang Asing	221
6.6 Fasilitator dan Mediator Konflik Mindanao	224
6.7 Dasar Memakmurkan Negara Jiran	231
6.8 Kesimpulan	237
BAB 7 RUMUSAN	236
7.1 Rumusan	239
RUJUKAN	251

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Anggaran Populasi Pendatang Asing di Sabah 1970-2014	96
3.2	Statistik dan Kadar Pertumbuhan Penduduk Sabah 1970-2014	99
3.3	Perangkaan Kemasukan Pelarian Filipina ke Sabah, 1976-1977	102
3.4	Statistik Pelarian Filipina 1976-2007	104
3.5	Statistik Pengusiran Pendatang Tanpa Izin Filipina, 1990-2014	108
3.6	Komposisi Penduduk Beragama Islam dan Bukan Islam Sabah 1960-2010	112
3.7	Skim Penempatan Masyarakat Pelarian bantuan UNHCR	119
3.8	Penglibatan Pendatang-Pendatang Asing di Dalam Kes-Kes Jenayah Petunjuk (Index Crime)	122
4.1	Peratusan Buruh Asing Melebihi Penduduk Tempatan di Daerah Melebihi Penduduk Tempatan di Daerah di Sabah, 2000	156
4.2	Statistik Pekerja Asing dan Permit Kerja Sementara Warga Filipina di Sabah, 1997-2011	163
4.3	Pekerja Bukan Permastautin di Sabah, 2014	165
5.1	Petunjuk Jenayah Sembilan Daerah di Sabah, 1997	187
6.1	Kadar Kemiskinan dan Indeks Pembangunan Manusia di Filipina, 2000	235
6.2	Anggaran Kadar Kemiskinan Mengikut Klasifikasi Perbandaran Tahap 5, 2006-2012	235

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
2.1	Peta Wilayah Kesultanan Sulu Diterbitkan Oleh Syarikat Timur Belanda (VOC)	47
2.2	Peta Lingkungan Pengaruh Kesultanan Brunei dan Kesultanan Sulu Pada Tahun 1878	50
2.3	Peta Sempadan Politik antara Borneo Utara dan Kepulauan Sulu Pada Tahun 1878 dan 1903	51
2.4	Peta Jajahan Mahkota British Borneo Utara Pada Tahun 1949	53
2.5	Peta Sempadan Antarabangsa Borneo Utara-Filipina, 1961	61
2.6	Kedudukan Pantai Timur Sabah Berhampiran Pulau-Pulau Selatan Filipina.	63
2.7	Laluan dan Corak Migrasi Pendatang Filipina ke Sabah	63
4.1	Gambar Peratus Penduduk Bukan Warganegara di Daerah-Daerah di Sabah Pada Tahun 2000.	155
4.2	Tangkapan Atas Pelbagai Jenayah Maritim di Sabah dan Malaysia 2006-2014	175
6.1	Kawasan Segitiga Pertumbuhan BIMP-EAGA	232

SENARAI SINGKATAN

ANM	Arkib Negara Malaysia
BERJAYA	Parti Bersatu Rakyat Jelata
BMLO	<i>Bangsamoro Islamic Liberation Organisation</i>
CO	<i>Colonial Office</i>
JKM	Jabatan Ketua Menteri
JPM	Jabatan Perdana Menteri
MILF	<i>Moro Islamic Liberation Front</i>
MIM	<i>Mindanao Independent Movement</i>
MKN	Majlis Keselamatan Negara
MNLF	<i>Moro National Liberation Front</i>
PBS	Parti Bersatu Sabah
PPKP	Pasukan Petugas Khas Persekutuan Labuan dan Sabah
PPKP	Pasukan Petugas Khas Persekutuan
PTI	Pendatang Tanpa Izin
RCI	<i>Royal Commisioner Investigation</i> / Suruhanjaya Siasatan Diraja
SBBUB	Syarikat Berpiagam Borneo Utara British
UMNO	<i>United Malay National Organisation</i>
UNHCR	<i>United Nation High Commissioner for Refugees</i>
UPKO	<i>United Pasok-Momogun Kadazan Organisation</i>
USNO	<i>United National Sabah Organisation</i>



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan



Sabah merupakan sebuah negeri terletak di Malaysia Timur yang menjadi destinasi utama bagi pendatang asing pelbagai negara terutamanya dari Filipina dan Indonesia. Pendatang asing di Sabah terdiri daripada pelbagai kategori merangkumi pendatang sah (berdokumen), pendatang haram (tanpa dokumen), pelarian serta golongan tanpa kewarganegaraan. Menurut Wan Shawaluddin, Zaini Othman dan Marja Azlina pendatang asing dapat dibahagikan kepada dua perspektif utama iaitu *Authority-defined* dan *Everyday-defined*. *Authority-defined* atau perspektif perundangan rasmi merujuk kepada pendatang asing yang masuk dan menetap di sesebuah negara secara sah berdasarkan undang-undang serta prosedur yang ditetapkan oleh pemerintah. Mereka termasuk golongan ekspatriat, pelancong asing dengan dokumen yang sah, diplomat, individu yang memiliki taraf pemastautin tetap serta kategori lain yang tidak melanggar





undang-undang imigresen. Kehadiran mereka tidak menimbulkan kontroversi dalam sosial, politik ekonomi atau keselamatan kerana mereka diiktiraf secara rasmi oleh kerajaan. Sebaliknya, *Everyday-defined* atau persepsi sosial merujuk kepada bagaimana masyarakat Malaysia memahami istilah “pendatang asing” yang secara automatik sering dikaitkan dengan pendatang tanpa izin (PTI) atau individu yang tidak memiliki status sah di sisi undang-undang.¹ Kehadiran pendatang dalam kategori ini sering menjadi isu utama dalam perdebatan sejak tahun 1970-an hingga kini, terutamanya melibatkan isu sosial, politik, ekonomi dan keselamatan. Justeru itu, konsep pendatang asing boleh difahami dari dua sudut berbeza iaitu dari perspektif perundangan yang rasmi dan satu lagi dari persepsi sosial masyarakat yang melihat pendatang asing sebagai isu yang memberi kesan kepada kehidupan harian mereka.



Berdasarkan laporan *Institute for Development Studies* (IDS) Sabah, daripada 3.9 juta penduduk Sabah, 1.2 juta adalah orang asing.² Berbeza dengan pendatang dari negara lain, masalah pendatang Filipina di Sabah mempunyai dimensi dan implikasi yang luas bukan sahaja melibatkan sosial, politik dan ekonomi Sabah. Tetapi turut melibatkan ancaman keselamatan serta hubungan Malaysia-Filipina selain dipengaruhi faktor sempadan geografi yang memudahkan kemasukan mereka ke Sabah.

¹ Wan Shawaluddin Wan Hasaan, Zaini Othman, & Marja Azlima Omar. “Dimensi Ekonomi-Politik Pendatang Asal Indonesia Di Sabah: The Political-Economy Dimension of Indonesian Immigrants in Sabah.” *Borneo Research Journal*, 2, (2008): 24.

² *Penyata Rasmi Parlimen Kamar Khas: Parlimen Keempat Belas, Penggal Kelima, Mesyuarat Kedua*, Bil. 17, Dewan Rakyat Malaysia, July 19, 2022.





1.2 Latar Belakang Kajian

Penghijrahan masyarakat Filipina ke Sabah sebenarnya telah berlaku jauh lebih awal sebelum pembentukan Malaysia pada tahun 1963 dan boleh dikesan melalui hubungan sejarah, ekonomi dan politik antara Kepulauan Sulu dan Borneo Utara. Sebelum penjajahan kuasa Eropah, perdagangan dan pergerakan penduduk antara kedua-dua wilayah ini telahpun berlaku dimana etnik Suluk dan Bajau menjadi antara kumpulan awal yang menetap di Sabah.³ Sekitar abad ke-15 hingga abad ke-16, Borneo Utara dikatakan berada dibawah pengaruh kuasa Kesultanan Brunei. Namun demikian, pada abad ke-17, Kesultanan Brunei menyerahkan sebahagian wilayah Borneo Utara kepada Kesultanan Sulu sebagai ganjaran atas bantuan ketenteraan dalam perang saudara Brunei. Peristiwa ini memperkukuhkan pengaruh Kesultanan Sulu di Sabah khususnya di kawasan Marudu, Magindora, dan Tirun.⁴ Sejak itu, penghijrahan masyarakat Tausug, Bajau dan etnik lain dari Kepulauan Sulu semakin kukuh terutamanya melibatkan wakil-wakil sultan yang terdiri daripada pembesar-pembesar Sulu dikenali sebagai Datu, Panglima, Syarif dan Tuan. Selain itu, penghijrahan dari Sulu juga berlaku disebabkan aktiviti perdagangan, hubungan kekeluargaan dan seterusnya menetap di wilayah tersebut.

Kedatangan kuasa Eropah, khususnya British pada abad ke-19 telah membawa kepada pembentukan sempadan politik rasmi antara Sabah dan Filipina. Hal ini berikutan pada tahun 1878, Sultan Sulu telah menyerahkan hak pentadbiran Sabah kepada pihak British. Walaupun Kesultanan Sulu masih mengekalkan pengaruh

³ Tokoro Ikuya, "Border Crossing and Politics of Religion in Sulu," *Asian Cultural Studies* 15, (2006): 123.

⁴ Ismail Ali, dan Mosli Tarsat, "Latar Belakang dan Keberadaan Etnik Suluk di Pantai Timur Sabah Sebelum Tahun 1878," in *Kedaulatan Negara Harga Mati: Pencerobohan Sulu dan Dampaknya kepada Keselamatan Pantai Timur Sabah*, ed. Ismail Ali, Lee Yok Meng, and Awang Amat (Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah, 2020), 20–25.





sejarahnya, kawalan British mula menghadkan kuasa Sultan Sulu ke atas Sabah.⁵ Apatah lagi apabila British, Jerman dan Sepanyol menandatangani Protokol Madrid pada tahun 1885 yang membentuk sempadan yang semakin jelas antara Sabah dan Sulu. Walau bagaimanapun, pergerakan penduduk antara kedua wilayah ini masih berlaku disebabkan ketiadaan kawalan sempadan yang ketat sebagaimana yang berlaku pada hari ini. Selain itu, perang Sulu-Sepanyol juga mendorong penghijrahan tersebut. Tambahan pula dasar British yang menggalakkan kemasukan buruh daripada Filipina ke Sabah menyebabkan migrasi masyarakat Filipina ke Sabah tetap berterusan didorong oleh peluang pekerjaan dalam sektor pertanian, pembalakan dan perikanan.⁶ Sabah menjadi destinasi utama bagi buruh dari Filipina yang ingin mencari kehidupan lebih baik.



Selepas Perang Dunia Kedua, dasar dekolonisasi barat menyebabkan kemerdekaan Filipina pada tahun 1949 dan seterusnya pembentukan Malaysia pada tahun 1963 menggabungkan Sabah sebagai salah satu negeri dalam persekutuan. Implikasi pembentukan Malaysia ini menyebabkan sempadan politik moden yang lebih jelas terbentuk antara Kepulauan Sulu dan Sabah yang secara teorinya memisahkan penduduk di kedua-dua wilayah tersebut. Namun demikian, sebagaimana British, kerajaan negeri Sabah juga mengamalkan dasar 'pintu terbuka' bagi membenarkan migrasi dari Filipina ke Sabah terutamanya melibatkan tenaga buruh. Hal ini menyebabkan orang Filipina dari Mindanao, Sulu dan Palawan berhijrah ke Sabah untuk bekerja dalam sektor perladangan, perikanan dan pembinaan.⁷ Disebabkan

⁵ A. Rahman Tang Abdullah, Pandikar Amin Mulia dan Mohd Sohaimi Esa, M. S., "Status Perundangan Sabah dalam Sejarah: Perubahan dalam Pembentukan Entiti Politik dalam Era Prakolonial dan Kolonial," *MANU: Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa* 33, no. 2 (2022), 182.

⁶ Norizan Kadir, *Tuntutan Filipina ke atas Sabah dalam Hubungan Filipina Malaysia, 1962-1998*, Tesis Sarjana, Universiti Malaya, 2016.

⁷ *Her Majesty's Stationery Office, Colony of North Borneo Annual Report, 1962* (London: Her Majesty's Stationery Office, 1963), 36.





hubungan sejarah yang rapat antara Sabah dan Sulu, golongan penghijrah ini pada awalnya tidak dilihat sebagai pendatang atau ancaman kepada Sabah.

Menjelang akhir 1960-an dan awal 1970-an, ketidakstabilan politik di selatan Filipina, khususnya akibat konflik Moro dan peristiwa Jabidah pada tahun 1968 telah menyebabkan penghijrahan besar-besaran pendatang Filipina ke Sabah. Ramai penduduk Filipina melarikan diri ke Sabah sebagai pelarian atau mencari perlindungan daripada keganasan yang semakin memuncak di wilayah asal mereka. Kebanyakan mereka menetap di bandar-bandar utama Sabah seperti Kota Kinabalu, Sandakan, Lahad Datu, dan Tawau serta bekerja dalam sektor ekonomi tidak formal.⁸ Gelombang migrasi besar-besaran ini mula menimbulkan cabaran kepada kerajaan Malaysia dalam aspek kawalan imigresen dan keselamatan yang secara tidak langsung memberi kesan terhadap sosial, politik dan ekonomi Sabah.



Tuntasnya, sejarah migrasi masyarakat Filipina ke Sabah telah dibentuk oleh hubungan perdagangan, politik dan sosial yang telah lama wujud antara kedua-dua wilayah ini. Bermula sebelum pengaruh Kesultanan Sulu pada abad ke-17 hingga kepada era penjajahan British dan selepas pembentukan Malaysia, pendatang Filipina telah memainkan peranan penting dalam perubahan sosiopolitik dan ekonomi Sabah ditambah pula dengan isu keselamatan yang menjadi cabaran kepada pemerintah.

⁸ Samuel K. Tan. The Moro Secessionist Movement in the Philippines, in *Secessionist Movements in Comparative Perspective*, ed. R. R. Premdas, S. W. R. de A. Samarasinghe, and A. B. Anderson. London: Pinter Publishers, (1990): 71-75.





1.3 Penyataan Masalah

Isu penghijrahan pendatang Filipina ke Sabah merupakan fenomena yang berterusan dan telah memberi kesan mendalam terhadap negeri ini daripada pelbagai aspek. Pada tahun 2014, sekitar 3.01 juta daripada keseluruhan penduduk Malaysia terdiri daripada pendatang asing dan Sabah mencatat jumlah tertinggi iaitu 1.08 juta orang. Pendatang asing di Sabah berasal daripada pelbagai negara, namun kehadiran pendatang Filipina mempunyai sejarah yang unik berbanding pendatang dari negara lain. Selain faktor ekonomi, penghijrahan mereka turut dipengaruhi oleh konflik di selatan Filipina, hubungan sejarah dengan Sabah dan tuntutan Filipina ke atas Sabah. Justeru itu, kesan migrasi Filipina ke Sabah tidak hanya terbatas kepada aspek ekonomi, tetapi turut membawa implikasi sosial, politik, keselamatan serta cabaran dalam strategi kerajaan Malaysia menguruskan isu ini dalam tempoh jangka panjang.



Kajian terdahulu mengenai isu pendatang asing di Sabah lebih banyak tertumpu kepada bidang sosiologi, antropologi, sains politik, keselamatan dan hubungan antarabangsa termasuklah sejarah dengan fokus terhadap sosial, politik dan ekonomi serta keselamatan. Antaranya adalah penyelidikan oleh Ramli Dollah, Eko Prayitno, Ismail Ali, Lai Yew Meng dan Asmiaty Amat. Namun demikian, penyelidikan sejarah yang menyeluruh dalam tempoh jangka panjang masih kurang diberi perhatian. Oleh itu, hal ini menarik minat pengkaji untuk menjalankan satu kajian secara holistik bagi memahami bagaimana migrasi Filipina telah membentuk landskap Sabah, termasuk impaknya terhadap struktur masyarakat, pemerintahan dan strategi-strategi kerajaan dalam menangani cabaran ini.





Berdasarkan aspek sosial, penghijrahan besar-besaran pendatang Filipina telah mengubah komposisi demografi Sabah, mempengaruhi struktur masyarakat, sistem pendidikan dan akses kepada perkhidmatan awam.⁹ Kehadiran mereka juga menimbulkan isu identiti nasional dan status kewarganegaraan, terutamanya bagi generasi kedua yang dilahirkan di Sabah tanpa dokumentasi yang sah, sehingga menimbulkan krisis tanpa kewarganegaraan yang berpanjangan.¹⁰ Dari sudut politik, peningkatan jumlah pendatang Filipina di Sabah turut memberi impak kepada corak pengundian, perwakilan politik dan pembentukan dasar negeri, sekali gus mencetuskan perdebatan mengenai hak mengundi, kewarganegaraan dan peranan mereka dalam struktur politik Sabah.¹¹

Seterusnya berdasarkan perspektif ekonomi, pendatang Filipina telah menjadi tenaga kerja penting dalam sektor perladangan, perikanan, pembinaan dan perkhidmatan serta membantu Sabah dalam menangani keperluan tenaga buruh. Walau bagaimanapun, kehadiran mereka juga membawa cabaran besar seperti ketidakseimbangan ekonomi, persaingan dengan pekerja tempatan serta tekanan terhadap sumber awam dan infrastruktur negeri.¹² Selain itu, pendatang Filipina turut menimbulkan isu keselamatan termasuk penyeludupan manusia, jenayah rentas sempadan dan ancaman keselamatan daripada kumpulan bersenjata dari Filipina Selatan seperti yang terbukti dalam pencerobohan Lahad Datu pada tahun 2013.¹³

⁹ Mohamad Nawab Mohamad Osman, "A Transitioning Sabah in a Changing Malaysia," *Kajian Malaysia* 35, no. 1 (2017): 23-40.

¹⁰ Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM), "Undocumented People," akses pada 20 Julai 2024, <https://suhakam.org.my/portfolio/undocumented-people/>.

¹¹ Catherine Allerton, "Contested Statelessness in Sabah, Malaysia: Irregularity and the Politics of Recognition," *Journal of Immigrant & Refugee Studies* 15, no. 3 (2017): 260-261. <https://doi.org/10.1080/15562948.2017.1302033>.

¹² Zarina Othman, Mohd Kamal Omar, Firdaus Abdul Jabar dan Nor Azizan Idris, "Memelihara Keselamatan Negara Malaysia: Peristiwa Lahad Datu, Sabah," *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space* 12, no. 7 (2016): 147-159.

¹³ *Ibid.*





Hal ini menunjukkan bahawa penghijrahan pendatang Filipina ke Sabah sememangnya telah meninggalkan kesan yang mendalam terhadap Sabah. Justeru penyelidikan ini bertujuan menganalisis kesan sosial, politik, ekonomi dan keselamatan berikutan fenomena penghijrahan tersebut ke Sabah. Selain itu, penyelidikan ini akan turut menganalisis bagaimana kerajaan Malaysia mendepani isu ini dalam jangka panjang. Pada masa yang sama, kajian ini akan menilai keberkesanan dasar kerajaan Malaysia seperti langkah pemutihan, dasar kewarganegaraan, operasi pengusiran serta kawalan keselamatan di sempadan. Melalui kajian ini, diharapkan ia dapat memberikan pemahaman yang lebih mendalam mengenai impak jangka panjang penghijrahan pendatang Filipina ke Sabah. Seterusnya kajian ini akan menawarkan perspektif baharu mengenai strategi terbaik dalam menguruskan isu migrasi ini untuk kepentingan masa depan negeri Sabah dan Malaysia secara keseluruhannya.



1.4 Persoalan Kajian

Terdapat beberapa persoalan utama dalam kajian ini;

1. Apakah latar belakang sejarah penghijrahan serta faktor-faktor pendorong yang mempengaruhi kehadiran pendatang Filipina ke Sabah?
2. Bagaimanakah penghijrahan pendatang Filipina memberi kesan terhadap sosial dan politik Sabah termasuk bagaimana ia mempengaruhi perubahan dalam corak pengundian, perwakilan politik, hubungan antara negeri Sabah dan kerajaan persekutuan serta hubungan antarabangsa Malaysia-Filipina.



Seterusnya menilai apakah implikasinya terhadap struktur demografi, budaya, perancangan bandar, perkhidmatan awam dan peruntukan sumber di Sabah?

3. Apakah kesan penghijrahan pendatang Filipina terhadap ekonomi Sabah, khususnya dalam konteks dinamik pasaran buruh, pengagihan pendapatan dan akses kepada peluang ekonomi serta cabaran yang dihadapi oleh pendatang Filipina dan bagaimana cabaran ini mempengaruhi integrasi mereka ke dalam ekonomi tempatan?
4. Apakah kesan penghijrahan pendatang Filipina terhadap keselamatan Sabah, termasuk ancaman keselamatan dalaman serta jenayah rentas sempadan, penyeludupan manusia dan kewujudan kumpulan militan dari selatan Filipina bagi tempoh 1972-2014.
5. Sejauhmanakah penghijrahan pendatang Filipina ke Sabah memberi kesan terhadap strategi kerajaan menanganinya. Hal ini termasuklah strategi dalam dan luar negara yang telah dilaksanakan oleh kerajaan Sabah dan Malaysia sejak tahun 1972 hingga 2014 dan sejauh manakah keberkesanan strategi-strategi ini dalam menangani cabaran yang timbul akibat penghijrahan tersebut?

1.5 Objektif Kajian

Berdasarkan latar belakang, permasalahan dan persoalan kajian, penyelidikan ini akan mengemukakan lima objektif utama kajian:

1. Menjelaskan sejarah latar belakang penghijrahan pendatang Filipina ke Sabah sebelum tahun 1972.



2. Menganalisis kesan sosial dan politik penghijrahan pendatang Filipina ke Sabah bagi tempoh 1972 hingga 2014.
3. Menganalisis kesan ekonomi penghijrahan pendatang Filipina ke Sabah bagi tempoh 1972 hingga 2014.
4. Menganalisis kesan keselamatan penghijrahan pendatang Filipina ke Sabah bagi tempoh 1972 hingga 2014.
5. Menilai strategi Malaysia menangani penghijrahan pendatang Filipina ke Sabah sejak tahun 1972 hingga 2014.

1.6 Skop Kajian

Kajian ini merangkumi tempoh dari tahun 1972 hingga 2014. Pemilihan tahun 1972 sebagai titik permulaan adalah signifikan kerana ia merupakan titik mula penghijrahan dan kemasukan secara besar-besaran pendatang Filipina ke Sabah. Walaupun pada dasarnya penghijrahan pendatang Filipina sememangnya berlaku sebelum tahun 1972, namun penghijrahan tersebut hanya berlaku dalam kumpulan kecil. Kerajaan Negeri Sabah dan Malaysia umumnya membenarkan penghijrahan ini atas faktor kemanusiaan menyebabkan sekitar 20,000 orang memasuki Sabah sama ada berdokumen ataupun tidak.¹⁴ Manakala, tahun 2014 dipilih sebagai titik akhir kajian ini kerana ia menandakan tempoh selepas lebih empat dekad penghijrahan pendatang Filipina telah memberikan perspektif yang cukup untuk menilai perubahan jangka panjang dalam struktur sosial, politik, ekonomi dan keselamatan di Sabah. Tempoh ini juga memberi peluang untuk menilai keberkesanan dasar-dasar kerajaan Malaysia dalam

¹⁴ XR Pol 32-1 Malaysia-Phil, Telegram from American Embassy Kuala Lumpur to Secretary of State (Kuala Lumpur 0440: Philippine Moslems in Sabah), 3 Februari 1973, Arkib Negara Singapura.





menguruskan pendatang Filipina serta implikasinya terhadap kestabilan negeri tersebut. Pada masa yang sama, dapatan Suruhanjaya Siasatan Diraja berkenaan pendatang asing di Sabah turut diumumkan pada tahun 2014 sedikit sebanyak membantu dalam memberikan sumber komprehensif untuk membuktikan bahawa penghijrahan pendatang Filipina sememangnya telah meninggalkan kesan yang mendalam terhadap Sabah.

Kajian ini difokuskan kepada negeri Sabah, sebuah negeri di Malaysia yang terletak di utara Pulau Borneo. Sabah dipilih sebagai ruang kajian kerana kedudukannya yang berdekatan dengan Filipina, menjadikannya destinasi utama bagi pendatang yang melarikan diri daripada konflik di selatan Filipina. Kajian ini akan memberi tumpuan kepada kawasan-kawasan utama di Sabah yang menjadi tumpuan pendatang Filipina seperti Tawau, Sandakan, Lahad Datu dan Kota Kinabalu. Kawasan-kawasan ini dipilih kerana telah menyaksikan perubahan demografi yang ketara akibat penghijrahan pendatang dan mempunyai kesan yang mendalam terhadap hubungan etnik dan politik tempatan. Dengan memberi tumpuan kepada Sabah, kajian ini bertujuan untuk memahami bagaimana aliran migrasi ini membentuk perubahan dalam struktur sosial, politik, ekonomi dan keselamatan negeri tersebut serta bagaimana ia mempengaruhi hubungan antara pendatang dan penduduk tempatan dalam konteks sejarah yang lebih luas.

Kajian ini akan menggunakan pendekatan kualitatif dan multidisiplinari yang menggabungkan teori migrasi dan hubungan antarabangsa untuk memahami konteks dan perkembangan yang mempengaruhi penghijrahan pendatang Filipina serta kesannya terhadap Sabah. Melalui analisis yang berfokus kepada ruang dan masa yang





ditetapkan, kajian ini bertujuan untuk menyediakan gambaran yang lebih jelas tentang bagaimana penghijrahan pendatang Filipina telah membentuk landskap sosial dan politik Sabah dalam tempoh yang dipilih serta menilai keberkesanan strategi-strategi yang diambil oleh Malaysia dalam menanganinya.

1.7 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini dari perspektif sejarah dapat dilihat melalui sumbangannya terhadap penyelidik, literasi akademik, masyarakat dan negara secara keseluruhannya. Kajian ini memberi penekanan kepada konteks sejarah yang mendalam mengenai migrasi pendatang Filipina ke Sabah serta kesannya terhadap pelbagai aspek sosiopolitik dan ekonomi.



Kajian ini penting kepada penyelidik dan bidang akademik kerana mengisi jurang pengetahuan sejarah. Salah satu kepentingan utama kajian ini adalah mengisi kekurangan dalam literatur sedia ada berkaitan sejarah migrasi pendatang Filipina ke Sabah. Kajian ini menyediakan perspektif sejarah yang lebih mendalam mengenai bagaimana faktor-faktor geopolitik dan hubungan sejarah antara Sabah dan Filipina telah mencorakkan aliran migrasi sejak zaman kolonial hingga ke era moden. Penyelidikan ini juga memperincikan bagaimana sejarah panjang konflik dan hubungan sosial di antara kedua-dua wilayah membentuk realiti migrasi yang berlaku pada tahun-tahun berikutnya. Kajian ini juga menggunakan pendekatan multidisiplin yang menggabungkan analisis sejarah dengan aspek sosiopolitik, ekonomi dan hubungan antarabangsa. Hal ini memberikan satu model penyelidikan yang menyeluruh, yang





boleh dijadikan panduan oleh penyelidik lain untuk meneroka lebih lanjut topik migrasi dari pelbagai perspektif. Justeru itu, kajian ini menyumbang kepada perkembangan kaedah penyelidikan dalam kajian sejarah dan migrasi. Selain itu, kajian ini juga menambah wacana akademik mengenai migrasi antarabangsa, sejarah migrasi di Sabah dan hubungan etnik. Penyelidik dalam bidang sejarah, sosiologi dan hubungan antarabangsa dapat menggunakan dapatan kajian ini untuk memperluas perbincangan tentang bagaimana sejarah migrasi telah memberi kesan yang menyeluruh terhadap Sabah serta menjadi asas bagi kajian lanjut mengenai topik yang sama atau berkaitan.

Selain itu, kajian ini turut memberi sumbangan yang signifikan kepada masyarakat, terutamanya dalam konteks hubungan sosial dan kesedaran sejarah. Hal ini kerana, kajian ini dapat memupuk kesedaran sejarah dan identiti. Melalui kajian tentang sejarah penghijrahan pendatang Filipina ke Sabah, ia dapat membantu masyarakat memahami bagaimana peristiwa sejarah membentuk realiti sosial hari ini. Pemahaman tentang bagaimana migrasi telah mempengaruhi demografi, budaya dan hubungan etnik di Sabah adalah penting untuk memupuk kesedaran identiti dan perpaduan dalam kalangan penduduk tempatan. Kajian ini juga menyoroti bagaimana perbezaan budaya dan etnik yang wujud telah mencetuskan ketegangan sosial serta memberikan panduan kepada masyarakat untuk menangani isu ini secara lebih berkesan dan harmoni. Disamping itu, satu sumbangan penting kajian ini kepada masyarakat ialah penekanan terhadap isu pendatang tanpa kerakyatan yang menjejaskan golongan pendatang Filipina di Sabah. Kesedaran tentang cabaran-cabaran yang dihadapi oleh golongan ini, termasuk kekurangan akses kepada pendidikan dan peluang ekonomi, boleh meningkatkan pemahaman masyarakat dan pihak berkuasa dalam usaha memperbaiki keadaan sosial golongan yang terpinggir ini. Kajian ini juga membantu dalam





menangani ketegangan etnik dengan memberikan konteks sejarah yang lebih jelas tentang bagaimana ketegangan itu timbul dan bagaimana ia boleh dikurangkan melalui pendekatan yang lebih inklusif.

Dari perspektif negara, kajian ini memberikan sumbangan yang penting kepada pembangunan dasar migrasi yang lebih berkesan seterusnya mewujudkan kestabilan dan keselamatan negara. Pada asasnya kajian ini memberikan panduan yang berguna kepada kerajaan dalam merangka dasar migrasi dan pengurusan pendatang yang lebih berkesan. Dengan memahami sejarah penghijrahan pendatang Filipina dan faktor-faktor yang mendorongnya, pembuat dasar boleh menggunakan dapatan kajian ini untuk membentuk strategi jangka panjang yang bukan sahaja menangani isu pendatang tanpa izin (PTI) tetapi juga menggalakkan integrasi sosial yang lebih baik. Pengalaman masa lalu yang diambil daripada kajian ini juga boleh dijadikan asas untuk memperbaiki dasar imigresen, kawalan sempadan dan pengurusan populasi pendatang di masa depan. Dari perspektif keselamatan negara, kajian ini penting kerana ia memberi penekanan kepada isu keselamatan yang timbul akibat penghijrahan pendatang Filipina, terutamanya di kawasan sempadan Sabah-Filipina. Dalam konteks tuntutan Filipina ke atas Sabah, kajian ini membantu kerajaan Malaysia memahami bagaimana faktor sejarah memainkan peranan dalam hubungan diplomatik dan keselamatan sempadan. Ini dapat membantu kerajaan dalam merangka strategi keselamatan yang lebih baik untuk memastikan kedaulatan negara terus terpelihara. Dari segi ekonomi, kajian ini menganalisis kesan penghijrahan pendatang Filipina terhadap pasaran buruh dan ekonomi Sabah secara keseluruhan. Pendatang Filipina sering kali mengisi kekosongan dalam sektor-sektor seperti pertanian, pembinaan dan perkhidmatan, yang penting bagi pembangunan ekonomi negeri. Walau bagaimanapun,





kajian ini juga menyoroti cabaran-cabaran yang dihadapi, termasuk ketidaksamarataan ekonomi, eksploitasi pekerja dan ketegangan dengan penduduk tempatan. Dengan memahami cabaran-cabaran ini, kerajaan dapat merangka dasar-dasar yang lebih seimbang untuk memastikan pembangunan ekonomi yang inklusif, di mana pendatang dapat memberi sumbangan yang positif tanpa menjejaskan kesejahteraan sosial masyarakat tempatan.

Secara keseluruhan, kepentingan kajian ini dari perspektif sejarah adalah amat luas. Ia bukan sahaja memberi sumbangan besar kepada penyelidik dan bidang akademik dengan memperluas literatur migrasi dan hubungan etnik di Sabah, tetapi juga memberikan manfaat yang signifikan kepada masyarakat dengan memupuk kesedaran sejarah dan perpaduan sosial. Selain itu, kajian ini juga membantu negara dalam merangka dasar migrasi, keselamatan dan pembangunan ekonomi yang lebih berkesan, yang diperlukan untuk menangani cabaran-cabaran yang timbul akibat migrasi pendatang Filipina ke Sabah.

1.8 Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan sebuah penyelidikan kualitatif yang menggunakan pendekatan multidisiplinari merangkumi aspek sosiopolitik, migrasi dan hubungan antarabangsa bagi meneliti kesan penghijrahan pendatang Filipina terhadap Sabah dalam tempoh 1972 hingga 2014. Dengan menggunakan rangka kerja migrasi dan hubungan antarabangsa, kajian ini bertujuan untuk memahami faktor sejarah penghijrahan





pendatang Filipina, kesannya terhadap struktur sosial, politik, ekonomi dan keselamatan Sabah, serta strategi kerajaan Malaysia dalam menangani isu ini.

Bagi mendapatkan pemahaman yang menyeluruh, kajian ini turut menggunakan pendekatan kajian kes melalui analisis data sekunder, temubual dengan migran Filipina dan kajian dokumentasi kerajaan Malaysia serta laporan organisasi antarabangsa. Kajian ini menggunakan kaedah analisis dokumen dan kepustakaan sebagai pendekatan utama dalam pengumpulan dan analisis data. Sumber utama kajian ini terdiri daripada sumber primer seperti dokumen rasmi, fail kerajaan dan mikrofilem yang diperoleh dari beberapa arkib utama termasuk Arkib Negara Malaysia, Arkib Negeri Sabah dan Arkib Negara Singapura. Dokumen utama yang dikaji termasuk fail Pejabat Tanah Jajahan (CO) dan Pejabat Luar Tanah Jajahan (FCO) yang mengandungi maklumat penting mengenai dasar kolonial dan polisi migrasi yang mempengaruhi Sabah pada awal penghijrahan pendatang Filipina. Rekod-rekod ini juga menyediakan bukti mengenai bagaimana dasar-dasar British dan tindakan kerajaan selepas merdeka membentuk polisi imigresen dan pengurusan pendatang di Sabah.

Disamping itu, kajian ini turut menggunakan kaedah temu bual bagi memahami secara mendalam pengalaman, persepsi, dan naratif golongan PTI Filipina di Sabah dalam konteks sosial, ekonomi dan sejarah. Kaedah temu bual yang digunakan adalah temubual tidak berstruktur sebagai instrumen utama dalam pengumpulan data. Hal ini kerana kaedah ini membenarkan pengkaji mengumpul data secara fleksibel dan terbuka, di mana responden bebas berkongsi pengalaman hidup mereka tanpa kekangan soalan-soalan standard. Kaedah ini juga sangat berguna untuk membina kepercayaan dalam kalangan responden yang rata-ratanya memegang status migran tidak sah dan sensitif





terhadap pendedahan identiti. Seramai lima orang responden terlibat dalam kajian ini, terdiri daripada individu yang berstatus PTI yang terlibat dalam sektor pembinaan dan kerja domestik, serta seorang majikan tempatan yang menggunakan khidmat PTI.

Selain itu, kajian ini turut melibatkan analisis terhadap fail-fail jabatan kerajaan Malaysia seperti Fail Jabatan Perdana Menteri (JPM), Jabatan Ketua Menteri (JKM), Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Pasukan Petugas Khas Persekutuan (PPKP) bagi Sabah dan Labuan. Dokumen-dokumen ini penting dalam memahami bagaimana kerajaan negeri dan persekutuan menangani isu pendatang Filipina termasuk dasar keselamatan, operasi penguatkuasaan dan tindakan kawalan sempadan yang telah diambil untuk menangani isu ini. Dapatan daripada sumber ini akan memberikan gambaran yang lebih jelas tentang bagaimana kehadiran pendatang Filipina memberi kesan kepada struktur sosial, politik dan ekonomi di Sabah serta bagaimana pihak berkuasa menguruskan implikasi yang timbul.

Di samping itu, penyelidikan ini juga menganalisis laporan daripada akhbar tempatan dan antarabangsa seperti *North Borneo Herald*, *North Borneo News* and *Sabah Times*, *Daily Express*, Berita Harian, *The Straits Times* serta beberapa sumber berita dalam talian seperti Astro Awani dan Harian Metro. Akhbar-akhbar ini menyediakan perspektif kontemporari mengenai penghijrahan pendatang Filipina, reaksi masyarakat tempatan serta liputan mengenai tindakan kerajaan dalam menangani isu ini. Dengan menganalisis wacana media, kajian ini dapat memahami bagaimana isu pendatang Filipina telah dibingkaikan dalam media serta bagaimana naratif ini mempengaruhi persepsi awam dan pembentukan dasar kerajaan.





Selain sumber primer, kajian ini juga menggunakan sumber sekunder seperti buku, jurnal akademik, artikel penyelidikan, tesis dan disertasi yang berkaitan dengan migrasi dan hubungan antarabangsa. Sumber-sumber ini diperoleh daripada perpustakaan utama seperti Perpustakaan Tuanku Bainun, Tanjung Malim Perak, Perpustakaan Negeri Sabah, Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah, Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dan *National Library Board (NLB) Singapura*. Sumber sekunder ini digunakan bagi membandingkan analisis yang dikemukakan dalam kajian terdahulu dengan dapatan dalam penyelidikan ini, seterusnya membantu dalam mengenal pasti jurang pengetahuan yang boleh diisi melalui kajian ini.

Pengumpulan data bagi kajian ini dijalankan secara sistematik dalam tempoh satu tahun enam bulan, memberi tumpuan kepada sumber primer dan sekunder yang relevan dengan objektif kajian. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan kaedah analisis sejarah dan sosiopolitik untuk menilai perkembangan dan implikasi penghijrahan pendatang Filipina terhadap Sabah. Pendekatan ini melibatkan beberapa teknik utama antaranya analisis dokumen untuk memahami dasar-dasar imigresen dan strategi kerajaan dalam menangani penghijrahan pendatang. Analisis kronologi bagi meneliti perkembangan penghijrahan secara sistematik dari tahun 1972 hingga 2014. Seterusnya analisis wacana media untuk memahami bagaimana isu pendatang Filipina dibingkaikan dalam media dan bagaimana ia mempengaruhi persepsi masyarakat serta analisis hubungan antarabangsa bagi meneliti bagaimana hubungan diplomatik Malaysia-Filipina serta faktor geopolitik mempengaruhi penghijrahan pendatang dan strategi kerajaan dalam menangani isu ini.





Secara keseluruhannya, metodologi penyelidikan ini membolehkan pengkaji meneliti isu penghijrahan pendatang Filipina ke Sabah secara komprehensif melalui pendekatan multidisiplinari. Kajian ini menggunakan teori migrasi dan hubungan antarabangsa untuk meneliti faktor sejarah penghijrahan pendatang Filipina tetapi juga kesannya terhadap landskap sosial, politik, ekonomi dan keselamatan Sabah serta strategi kerajaan dalam menangani cabaran ini. Penggunaan sumber primer dan sekunder yang luas, bersama pendekatan analisis yang sistematik, akan memastikan dapatan kajian ini bersifat menyeluruh dan dapat menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam mengenai kesan jangka panjang migrasi ini terhadap Sabah.

1.9 Kajian Lepas



Kajian mengenai migrasi pendatang Filipina ke Sabah telah menjadi fokus utama dalam bidang sains sosial khususnya dalam pelbagai disiplin ilmu seperti sejarah, keselamatan, sosiologi, antropologi dan hubungan antarabangsa. Namun, berdasarkan penelitian terhadap kajian lepas mendapati bahawa tidak terdapat penulisan ilmiah yang mengkaji sejarah penghijrahan pendatang Filipina dan implikasinya ke atas Sabah bagi tempoh 1972 hingga 2014. Kebanyakan kajian terdahulu meneliti aspek ini secara berasingan sama ada dari sudut keselamatan, ekonomi, sosial atau politik tanpa memberikan perspektif yang holistik. Manakala kajian-kajian terkini cenderung meneliti isu spesifik seperti keselamatan sempadan dan hak kewarganegaraan tanpa meneliti kesan jangka panjang terhadap sosial, politik, ekonomi dan keselamatan Sabah serta strategi Malaysia menanganinya secara menyeluruh. Oleh itu, kajian yang lebih





komprehensif diperlukan bagi meneliti sejarah penghijrahan ini serta kesannya terhadap Sabah dari tahun 1972 hingga 2014.

Dalam menganalisis kajian lepas ini, pengkaji telah membahagikan sorotan kajian ini berdasarkan beberapa tema yang telah dikenalpasti dan mempunyai kaitan langsung dengan kajian ini. Tema tersebut meliputi sejarah latar belakang penghijrahan pendatang Filipina ke Sabah, kesan penghijrahan tersebut terhadap sosial dan politik Sabah. Seterusnya merangkumi kesan penghijrahan pendatang Filipina terhadap ekonomi serta keselamatan Sabah. Tema terakhir adalah mengenai kesan terhadap strategi Malaysia menangani penghijrahan pendatang Filipina ke Sabah. Berdasarkan tema-tema yang dinyatakan, terdapat beberapa buah penulisan yang mengkaji mengenai penghijrahan pendatang Filipina dan impaknya terhadap Sabah.



Penelitian terhadap sumber yang membincangkan sejarah awal penghijrahan orang Filipina ke Sabah agak sukar ditemukan. Rata-rata bahan yang ditemukan turut merujuk penyelidikan James F. Warren dalam *The Prahus of the Sulu Zone*. Penyelidikan ini sangat relevan kerana ia menyoroti peranan perahu dan perdagangan maritim dalam Zon Sulu, yang menjadi faktor utama dalam migrasi awal masyarakat Iranun dan Samal ke Sabah. Kajian ini menunjukkan bahawa Kesultanan Sulu telah lama menjadi pusat perdagangan maritim yang kuat di Asia Tenggara dan sering terlibat dalam aktiviti serangan serta pemerdagangan manusia. Selain itu, Sabah juga merupakan salah satu daripada wilayah yang berada dalam Zon Sulu merupakan sumber kepada barang dagangan penting kepada Kesultanan Sulu.¹⁵ Kajian ini penting dalam memahami bagaimana sejarah awal migrasi masyarakat Sulu iaitu Iranun dan

¹⁵ James F Warren. *The Sulu Zone: The dynamics of external trade, slavery, and ethnicity in the transformation of a Southeast Asian maritime state*. (Singapore: NUS Press, 1981) 42-53.





Samal mencipta jaringan sosial yang terus mempengaruhi penghijrahan pendatang Filipina ke Sabah sehingga kini.

Selain itu, kajian Najeeb Saleeby bertajuk *The History of Sulu* memberikan gambaran mendalam mengenai sejarah Kesultanan Sulu dan pengaruhnya di rantau Asia Tenggara khususnya di Sabah dan Filipina. Kajian ini menjelaskan bagaimana Kesultanan Sulu memainkan peranan penting dalam hubungan politik dan perdagangan di rantau ini termasuk tuntutan berterusan terhadap Sabah.¹⁶ Namun, kelemahan utama kajian ini adalah kurangnya penekanan terhadap migrasi orang Sulu ke Sabah berdasarkan sejarah hubungan Kesultanan Sulu dan Borneo Utara yang memberi kesan langsung dalam mencorakkan landskap sosial dan politik Sabah dalam jangka panjang. Oleh itu, kajian lanjut diperlukan untuk melihat bagaimana sejarah awal ini membentuk pola penghijrahan dan integrasi pendatang Filipina ke Sabah.



Dalam dimensi politik, penghijrahan pendatang Filipina telah mengubah corak demografi Sabah secara ketara yang seterusnya mempengaruhi keseimbangan kuasa politik negeri ini. Kajian Sina Frank, *Project Mahathir: 'Extraordinary' Population Growth in Sabah* mendapati bahawa projek pemberian kad pengenalan kepada pendatang Filipina secara tidak sah telah digunakan sebagai strategi politik untuk meningkatkan jumlah pengundi Muslim di Sabah yang akhirnya mengubah komposisi etnik dan mempengaruhi keputusan pilihan raya. Fenomena ini sering dirujuk sebagai “Projek Mahathir” dan telah menimbulkan ketegangan dalam kalangan etnik tempatan seperti Kadazandusun dan Murut (KDM) yang melihatnya sebagai ancaman terhadap

¹⁶ Najeeb M. Saleeby, *The History of Sulu*. (Manila: Bureau of Printing, 1908): 33-85.





kedudukan politik mereka.¹⁷ Artikel ini memberi kritikan terhadap kerajaan Malaysia tanpa mengambil kira perspektif pihak lain seperti pendatang Filipina itu sendiri, pemimpin politik di Sabah dan masyarakat tempatan. Ini menjadikan analisis kurang seimbang kerana tidak semua pendatang Filipina yang datang ke Sabah mendapat kewarganegaraan secara haram. Tumpuan perbincangan kepada bagaimana “Projek IC” mempengaruhi keputusan pilihan raya dalam tempoh tertentu, tetapi kurang membincangkan kesan jangka panjangnya terhadap landskap politik Sabah.

Seterusnya penelitian turut dilakukan terhadap buku *Paper Citizen: How Illegal Immigrants acquire Citizenship in Developing Countries* oleh Kamal Sadiq. Dalam perbincangan buku ini mengetengahkan beberapa perkara iaitu meliputi sejarah penghijrahan pendatang Filipina ke Sabah serta kesannya terhadap sosial dan politik Sabah. Namun demikian, fokus utama buku ini adalah membincangkan bagaimana pendatang tanpa dokumen di negara membangun seperti Malaysia memperoleh kewarganegaraan melalui pemalsuan dokumen dan kelemahan institusi pentadbiran. Dalam konteks Sabah, buku ini menyoroti bagaimana pendatang Filipina berjaya mendapatkan kewarganegaraan melalui rangkaian sosial dan sindiket pemalsuan dokumen sekali gus membolehkan mereka menyertai sistem politik dan memberi kesan kepada keputusan pilihan raya. Sadiq mengemukakan konsep *documentary citizenship* yang menegaskan bahawa kewarganegaraan dalam konteks migrasi tidak semestinya diberikan secara sah oleh kerajaan, tetapi boleh diperoleh melalui cara tidak rasmi, seperti pemalsuan kad pengenalan dan penggunaan identiti palsu. Dengan memiliki dokumen ini, pendatang Filipina bukan sahaja memperoleh hak politik seperti mengundi, tetapi juga akses kepada kemudahan kerajaan, menjadikan mereka setaraf

¹⁷ Sina Frank, “Project Mahathir: ‘Extraordinary’ Population Growth in Sabah,” *Südostasien Aktuell: Journal of Current Southeast Asian Affairs* 25, no. 5 (2006): 71-80.





dengan warganegara Malaysia yang lain. Sadiq berhujah bahawa fenomena ini menghakis konsep kedaulatan negara kerana ia membolehkan individu yang pada asalnya pendatang tanpa izin menjadi sebahagian daripada struktur politik dan sosial negara tanpa mekanisme pemantauan yang ketat.¹⁸ Walaupun buku ini memberikan analisis mendalam tentang bagaimana pendatang Filipina di Sabah memperoleh kewarganegaraan secara tidak sah dan kesannya terhadap politik tempatan terdapat beberapa kelemahan ketara dalam kajian ini. Penulis tidak meneliti sejarah awal penghijrahan orang Filipina ke Sabah, sebaliknya hanya memberi tumpuan kepada fenomena migrasi moden sejak tahun 1970-an. Kajian ini tidak mengambil kira hubungan sejarah antara Kesultanan Sulu dan Sabah yang telah menjadi laluan migrasi bagi etnik Bajau, Suluk atau Tausug, Samal dan Irranun sejak abad ke-18. Selain itu, buku ini juga tidak mengkaji bagaimana pentadbiran kolonial British menangani kehadiran orang Filipina di Borneo Utara sebelum pembentukan Malaysia pada tahun 1963. Dengan menghadkan kajian kepada tempoh moden, buku ini gagal memberikan gambaran menyeluruh tentang bagaimana migrasi Filipina ke Sabah bukanlah fenomena baharu, tetapi merupakan kesinambungan daripada sejarah hubungan antara dua wilayah ini.

Kajian Mohd Hamdan Haji Adnan Mahat Jamal bertajuk *Pilihan Raya Umum Malaysia Ke-13: Faktor-Faktor Penentuan Kemenangan Di Sabah* menumpukan mengenai pilihan raya di Sabah menunjukkan bagaimana isu pendatang tanpa izin digunakan dalam strategi politik untuk meraih sokongan pengundi. Kehadiran pendatang Filipina yang diberikan kewarganegaraan dan hak mengundi telah mempengaruhi hasil pilihan raya yang mencerminkan bagaimana migrasi boleh

¹⁸ Kamal Sadiq, *Paper Citizens: How Illegal Immigrants Acquire Citizenship in Developing Countries*. Oxford: Oxford University Press, 2008.





menjadi faktor politik yang signifikan.¹⁹ Walau bagaimanapun, kajian ini lebih tertumpu kepada aspek politik dan kurang meneliti kesan jangka panjang terhadap landskap sosial dan ekonomi negeri. Artikel ini juga banyak bergantung kepada analisis naratif tentang bagaimana Sabah menjadi “simpanan tetap” Barisan Nasional (BN) tanpa menyertakan data statistik yang kukuh mengenai jumlah sebenar pengundi daripada kalangan pendatang Filipina. Terdapat juga perbincangan yang mengaitkan migrasi Filipina dengan dakwaan “Projek IC”, di mana kerajaan dikatakan telah memberikan kewarganegaraan kepada pendatang Filipina bagi meningkatkan sokongan politik BN. Walau bagaimanapun, artikel ini tidak menyertakan dokumen atau testimoni rasmi yang boleh mengesahkan kewujudan strategi politik ini iaitu perkara utama yang membuktikan segala dakwaan yang dibangkitkan. Tanpa pembuktian tersebut, penulisan artikel tersebut dianggap tidak lengkap.



Selain itu, dari aspek kesan terhadap sosial, kehadiran pendatang Filipina telah membawa perubahan ketara terhadap struktur demografi dan interaksi sosial di Sabah. Kajian Zulkifli Hassan bertajuk *Pendatang Filipina di Kampung Bakau, Lahad Datu, Sabah: Satu Kajian Sosio-Politik* mengenai komuniti Filipina di Kampung Bakau, Lahad Datu, mendapati bahawa pendatang ini berasal dari pelbagai latar belakang etnik seperti Tausug, Bajau dan Yakan telah berhijrah ke Sabah akibat konflik bersenjata di Mindanao. Mereka terlibat dalam sektor ekonomi seperti perikanan dan buruh kasar, tetapi sering menghadapi kesukaran dalam integrasi sosial kerana perbezaan budaya, agama dan identiti nasional.²⁰ Kajian ini menegaskan bahawa walaupun terdapat interaksi antara pendatang dan masyarakat tempatan, integrasi sebenar masih terhad

¹⁹ Mohd Hamdan Adnan, dan Mahat Jamal, “Pilihan Raya Umum Malaysia ke-13: Faktor-Faktor Penentuan Kemenangan di Sabah,” *Jurnal Komunikasi Borneo 1*, (2014): 55-76.

²⁰ Zulkiflie Hassan, “Pendatang Filipina di Kampung Bakau, Lahad Datu, Sabah: Satu Kajian Sosiopolitik”, Tesis Sarjana Universiti Malaya, 1999.





disebabkan ketegangan sosial dan kebimbangan terhadap keselamatan. Walau bagaimanapun, fokus utama kajian ini adalah mengenai komuniti Filipina di Kampung Bakau, Lahad Datu memberikan perspektif yang menarik tentang kehidupan komuniti ini namun terdapat kelemahan dalam beberapa aspek utama termasuk skop yang terhad kepada satu lokasi, kurangnya analisis kesan politik secara menyeluruh, tidak mengambil kira persepsi masyarakat tempatan, tidak menilai aspek keselamatan dan hubungan Malaysia-Filipina serta kurangnya data kuantitatif. Dengan memperluaskan skop kajian, menggabungkan perspektif masyarakat tempatan, menilai implikasi politik dan keselamatan serta menggunakan pendekatan kuantitatif yang lebih kukuh, kajian ini boleh menjadi lebih komprehensif dan relevan dalam memahami kesan sosial dan politik migrasi Filipina di Sabah.



Dalam kajian Catherine Allerton *Statelessness and the Lives of the Children of Migrants in Sabah, East Malaysia*, beliau meneliti fenomena *statelessness* dalam kalangan generasi kedua dan ketiga pendatang Filipina. Kanak-kanak tanpa kerakyatan ini menghadapi kesukaran dalam mendapatkan pendidikan, perkhidmatan kesihatan, dan pekerjaan formal menyebabkan mereka terus terpinggir daripada masyarakat. Ketiadaan dokumen yang sah menjadikan mereka tidak dapat menikmati hak sebagai warganegara sekaligus menimbulkan kesan sosial yang berpanjangan. Kajian ini menunjukkan bahawa *statelessness* bukan sahaja memberi kesan kepada individu yang terlibat tetapi juga kepada kestabilan sosial Sabah dalam jangka panjang.²¹ Pada asasnya, migrasi pendatang Filipina ini merupakan satu pergerakan yang berterusan dalam kalangan penduduk Filipina ke Sabah. Oleh itu, adalah tidak wajar untuk mengkategorikan penghijrahan ini dalam gelombang tertentu. Justeru, penulisan ini

²¹ Catherine Allerton, "Statelessness and the Lives of the Children of Migrants in Sabah, East Malaysia," *Tilburg Law Review* 19 (2014): 26–34. <https://doi.org/10.1163/22112596-01902004>.





akan membetulkan persepi tersebut selain turut memperbetulkan mengenai istilah *statelessness* yang digunakan dalam kajian ini merujuk kepada anak-anak pendatang tanpa izin di Sabah. Dari aspek sejarah, *stateless* hanya merujuk kepada masyarakat bajau laut ataupun dikenali sebagai *pala'u*. Manakala pendatang yang mempunyai isu dokumen ini dikategorikan sebagai pendatang tanpa kewarganegaraan.

Kajian Sejarah Populasi Sabah: Impak Terhadap Sosioekonomi, 1960-an Hingga 2000-an oleh Sitti Rima Najir memberikan analisis mendalam mengenai lonjakan populasi Sabah pasca kemerdekaan yang dipacu oleh migrasi dan kadar kelahiran yang tinggi. Ia menghubungkan pertumbuhan populasi dengan isu sosial seperti peningkatan kemiskinan, jenayah, serta persaingan dalam pasaran buruh. Dengan menggunakan pendekatan kualitatif dan pelbagai disiplin ilmu, kajian ini menyoroti keperluan dasar migrasi yang lebih ketat, pembangunan infrastruktur dan peluang ekonomi bagi menangani kesan sosioekonomi yang timbul.²² Namun, kelemahan kajian ini adalah pendekatan kualitatif yang digunakan menyebabkan kurangnya data kuantitatif yang dapat mengukuhkan analisis empirikal, terutama dalam mengukur korelasi antara peningkatan populasi dan impak sosioekonomi. Seterusnya, kajian ini kurang menekankan peranan dasar kerajaan dalam menangani isu populasi secara berkesan, seperti bagaimana polisi terdahulu telah berjaya atau gagal dalam mengawal migrasi dan pembangunan ekonomi. Akhirnya, kajian ini juga tidak membincangkan secara mendalam perbezaan impak pertumbuhan populasi terhadap pelbagai kumpulan etnik di Sabah yang penting dalam memahami kesan sosial dan ekonomi secara lebih holistik.

²² Sitti Rima Najir, "Sejarah Populasi Sabah: Impak terhadap Sosioekonomi, 1960-an hingga 2000-an," *Jurnal Borneo Arkhailogia* 4, no. 1 (2019): 65–85.





Dari perspektif ekonomi, kehadiran pendatang Filipina memainkan peranan penting dalam sektor buruh Sabah. Kajian Mohd Ramlan Mohd Arshad dan Mohammad Fajil Abd Batau dalam penyelidikan bertajuk *Impak Melindungi Pelarian Terhadap Ekonomi Malaysia* mendapati bahawa walaupun mereka mengisi kekosongan tenaga kerja dalam sektor pertanian, pembinaan dan perkhidmatan, kehadiran mereka turut memberi tekanan kepada sumber awam seperti kesihatan, pendidikan dan perumahan. Selain itu, pekerja asing sering kali dieksploitasi kerana status mereka yang tidak sah, yang menyebabkan mereka menerima upah lebih rendah dan berada dalam keadaan kerja yang tidak selamat.

Tumpuan artikel ini adalah kepada aspek beban ekonomi akibat kehadiran pendatang seperti kebocoran hasil cukai dan penggunaan kemudahan awam tanpa sumbangan kepada kerajaan.²³ Namun, ia tidak membincangkan secara menyeluruh potensi impak positif migrasi Filipina ke Sabah seperti peranan mereka dalam sektor ekonomi tertentu seperti perladangan, perikanan dan pembinaan. Penekanan dalam artikel ini tertumpu terhadap pandangan kerajaan dan dasar yang diamalkan tanpa mengambil kira perspektif pendatang itu sendiri atau majikan yang menggaji mereka. Tanpa input daripada golongan yang terlibat secara langsung, analisis mungkin tidak menggambarkan keadaan sebenar di lapangan.

Kajian Ramli Dollah dan Kamarulnizam Abdullah pula meneliti bagaimana pembangunan ekonomi Sabah menyebabkan pergantungan tinggi terhadap tenaga kerja asing tanpa izin. Walaupun kerajaan telah memperkenalkan pelbagai inisiatif untuk mengurangkan kebergantungan ini, seperti *Sabah Immigrant Manpower Center*,

²³ Mohd Ramlan Mohd Arshad, "Impak Melindungi Pelarian terhadap Ekonomi Malaysia," *Jurnal Perspektif* 15, no. 1 (2023): 13-24.





kebanyakan dasar ini gagal mencapai matlamat kerana faktor permintaan buruh yang tinggi dan kelemahan dalam penguatkuasaan imigresen.²⁴ Pada dasarnya artikel ini menekankan kebergantungan Sabah terhadap tenaga kerja asing tetapi kurang menyertakan data kuantitatif yang mendalam tentang bagaimana pekerja asing, khususnya dari Filipina menyumbang kepada ekonomi negeri ini. Walaupun ada disebutkan bahawa pekerja asing membentuk sebahagian besar tenaga kerja dalam sektor perladangan, pembinaan dan perikanan, tiada statistik terperinci mengenai jumlah gaji yang mereka terima, sumbangan mereka dalam bentuk cukai atau kesan limpahan ekonomi yang mereka bawa. Artikel ini turut membincangkan tentang dasar kerajaan dalam mengawal tenaga kerja asing namun ia tidak menilai bagaimana perubahan dalam polisi imigresen memberi kesan kepada ekonomi Sabah.

Bagi menilai implikasi penghijrahan pendatang Filipina terhadap keselamatan, pengkaji telah meneliti kajian Suhaili Abdul Rahman dan Kamarulnizam Abdullah iaitu *Mengurus Keselamatan Sabah: Dilema dan Realiti* yang menumpukan cabaran dan dilema pengurusan keselamatan di Sabah, dengan meneliti ancaman yang timbul daripada sumber dalaman dan luaran serta bagaimana ia disekuritisasikan oleh pemimpin politik tempatan dan masyarakat. Kajian ini menggunakan Teori Keselamatan Negara Membangun dan Teori Sekuritisasi untuk meneroka bagaimana faktor-faktor seperti politik tempatan, hubungan negeri-persekutuan dan konflik kesetiaan masyarakat mempengaruhi pengurusan keselamatan di Sabah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa ancaman keselamatan di Sabah adalah pelbagai, termasuk ancaman dari luar serta cabaran dalaman seperti migrasi rentas sempadan dan

²⁴ Ramli Dollah dan Kamarulnizam Abdullah, "Kepesatan Pembangunan Ekonomi dan Dasar Tenaga Kerja di Sabah, 1960-an hingga 1980-an," *MANU: Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa* 25 (2017): 49-74.





pergerakan etnik yang rumit.²⁵ Meskipun kajian ini berjaya menunjukkan bagaimana ancaman tersebut telah disekuritisasikan oleh pemimpin tempatan, ia juga mendapati bahawa kejayaan usaha ini bergantung pada sejauh mana aktor keselamatan di peringkat persekutuan diyakini tentang ancaman yang dihadapi. Tumpuan kajian ini lebih kepada teori keselamatan. Walau bagaimanapun, kajian ini boleh dijadikan asas penting untuk menganalisis implikasi penghijrahan pendatang Filipina di Sabah terutamanya dalam aspek keselamatan.

Malaysia telah melaksanakan pelbagai dasar dan strategi dalam menangani penghijrahan pendatang Filipina, termasuk penguatkuasaan imigresen, pemutihan dan usaha diplomasi. Kajian Ramli Dollah dan Eko Prayitno Joko menunjukkan bahawa Malaysia memainkan peranan aktif dalam proses damai di selatan Filipina melalui dasar *Memakmurkan Jiran* dengan harapan kestabilan di wilayah itu dapat mengurangkan penghijrahan ke Sabah. Artikel ini banyak bergantung kepada analisis dasar luar Malaysia dan hubungan diplomatik tanpa memberikan data empirik yang lebih mendalam. Antaranya, artikel ini menyebut tentang jumlah pelarian dan pendatang Filipina di Sabah tetapi tidak menyertakan analisis statistik yang lebih terperinci mengenai jumlah kemasukan mereka, kadar jenayah atau kesan sosial dan ekonomi yang lebih jelas. Selain itu, ia juga tidak membincangkan mengapa, walaupun polisi ini dilaksanakan sejak 1990-an, masalah pendatang tanpa izin di Sabah masih berlanjutan.²⁶

²⁵ Suhaili Abdul Rahman, dan Kamarulnizam Abdullah, "Mengurus Keselamatan Sabah: Dilema dan Realiti," *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 3, no. 5 (2018): 55-67.

²⁶ Ramli Dollah, dan Eko Prayitno, "Dasar 'Memakmurkan Jiran' dan Penglibatan Malaysia dalam Proses Keamanan di Selatan Filipina," *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 42, no. 1 (2015): 77.





Secara keseluruhannya, penghijrahan pendatang Filipina ke Sabah bukanlah fenomena baharu tetapi merupakan kesinambungan hubungan sejarah antara kedua-dua wilayah. Kemasukan mereka membawa implikasi besar terhadap sosial, politik, ekonomi dan keselamatan Sabah. Meskipun banyak kajian telah membincangkan aspek-aspek tertentu secara berasingan, kajian yang lebih komprehensif diperlukan untuk memahami kesan jangka panjang serta menilai keberkesanan strategi Malaysia dalam menangani isu ini.

1.10 Definisi Istilah

Terdapat beberapa istilah yang digunakan memerlukan penjelasan yang terperinci.

Antaranya ialah istilah pendatang tanpa kewarganegaraan, hak kewarganegaraan, dokumen imigrasi, mobiliti, integrasi sosial, peraturan imigresen dan penguburan identiti.

Secara definisi pendatang tanpa kewarganegaraan merujuk kepada seseorang individu tidak diiktiraf sebagai warganegara oleh mana-mana negara menurut undang-undangnya sama ada secara *de jure* (tidak memiliki kewarganegaraan secara sah) atau *de facto* (mempunyai kewarganegaraan tetapi tidak mendapat perlindungan atau hak warganegara). Keadaan ini boleh berlaku akibat konflik undang-undang, perpindahan wilayah, perkahwinan dengan warganegara asing, diskriminasi atau penghapusan kewarganegaraan oleh sesebuah negara.²⁷ Ketiadaan kewarganegaraan boleh menyebabkan individu kehilangan akses kepada hak asasi seperti pendidikan,

²⁷ Rodziana Mohamed Razali, Rohaida Nordin, dan Tamara Joan Duraisingam, "Migration and Statelessness: Turning the Spotlight on Malaysia," *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities* 23, Special Issue (2015): 19-22.





pekerjaan, perlindungan undang-undang, dan perkhidmatan sosial, menjadikannya lebih rentan terhadap eksploitasi dan ketidakstabilan hidup.

Hak kewarganegaraan merujuk kepada hak yang diberikan kepada individu sebagai anggota penuh dalam sesebuah komuniti politik, membolehkan mereka menikmati perlindungan undang-undang serta mengambil bahagian dalam kehidupan sosial dan politik. Menurut T.H. Marshall, hak kewarganegaraan terdiri daripada tiga komponen utama iaitu hak sivil yang meliputi kebebasan individu seperti kebebasan bersuara dan hak pemilikan. Seterusnya adalah hak politik iaitu membolehkan warganegara mengundi dan menyertai pemerintahan serta hak sosial yang menjamin akses kepada pendidikan, kesihatan dan kebajikan sosial. Dalam era globalisasi, hak kewarganegaraan tidak lagi terhad kepada status undang-undang dalam sesebuah negara tetapi semakin dipengaruhi oleh hak asasi manusia sejagat. Hak ini membolehkan individu memperoleh perlindungan dan hak tertentu walaupun mereka bukan warganegara penuh.²⁸

Dokumen imigrasi merujuk kepada dokumen rasmi yang digunakan untuk menyokong permohonan visa kerja, membuktikan identiti dan status imigresen individu serta mematuhi keperluan undang-undang imigresen. Dokumen ini merangkumi passport, visa, lesen memandu, permit kerja, sijil akademik, transkrip pendidikan, dan dokumen berkaitan yang diperlukan untuk menyokong permohonan imigresen. Dokumen imigrasi juga dikategorikan sebagai dokumen sokongan yang digunakan dalam pemprosesan visa dan kawalan imigresen. Ia memainkan peranan penting dalam

²⁸ Claus Haas, What Is Citizenship? (The Danish University of Education, 2001), 4-5, accessed April 30, 2025, <http://www.ffd.dk/media/12748/haas%20rep3.doc>.



membantu pihak berkuasa menentukan kelayakan seseorang untuk memasuki atau tinggal di sesebuah negara.²⁹

Mobiliti merujuk kepada pergerakan individu atau kumpulan dari satu lokasi ke lokasi lain. Ia juga boleh didefinisikan sebagai pergerakan yang melibatkan aspek lokasi, pelaku, faktor sosio-ekonomi, dan pengangkutan, termasuk aktiviti seperti pelancongan, perjalanan perniagaan, migrasi, dan perjalanan harian. Selain itu, mobiliti turut dikaitkan dengan keupayaan seseorang untuk bergerak atau dipindahkan, di mana mobiliti fizikal merujuk kepada keupayaan individu untuk bergerak dalam persekitaran tertentu. Mobiliti bukan sekadar pergerakan fizikal dalam jarak tertentu, tetapi juga bertujuan untuk mencapai aksesibiliti dalam pelbagai bentuk. Oleh itu, mobiliti merupakan elemen penting dalam membentuk corak aktiviti harian seseorang, mencerminkan penggunaan masa untuk pelbagai tujuan di pelbagai lokasi.³⁰

Integrasi sosial didefinisikan sebagai proses penyesuaian dalam masyarakat yang membolehkan individu dan kumpulan untuk saling memahami, menerima perbezaan serta berinteraksi dalam satu sistem sosial yang harmoni. Integrasi sosial bertujuan untuk mengurangkan konflik dengan membina hubungan yang seimbang dan saling menghormati antara pelbagai kelompok dalam masyarakat. Ia dapat terbentuk melalui nilai-nilai budaya, ekonomi, pendidikan, dan toleransi sosial yang diamalkan dalam kehidupan seharian.³¹

²⁹ Sourav Mukherjee, Tim Oates, Vince DiMascio, Huguens Jean, Rob Ares, David Widmark, and Jaclyn Harder. "Immigration document classification and automated response generation." In *2020 International Conference on Data Mining Workshops (ICDMW)*, IEEE, (2020): 782-789. <https://doi.org/10.1109/ICDMW51313.2020.00109>.

³⁰ Hafizah Rosli., "Perkaitan antara Mobiliti dan Tempat Tinggal Golongan B40 di Pulau Pinang", Disertasi PhD, Universiti Sains Malaysia, 2022, 10.

³¹ Afif Umi Kalsum, dan Fauzan Fauzan, "Integrasi Sosial dalam Membangun Keharmonisan Masyarakat," *JAWI 2, no. 1* (2020): 69-70.



Liv Bjerre, Marc Helbling, Friederike Römer dan Malisa Zobel mendefinisikan peraturan imigresen sebagai peruntukan undang-undang yang mengawal selia kemasukan, pemastautinan dan pengusiran warga asing oleh sesebuah negara. Peraturan ini boleh dikategorikan kepada dua aspek utama iaitu regulasi dan mekanisme kawalan. Regulasi merupakan ketetapan undang-undang yang menggariskan hak dan sekatan terhadap individu yang berhijrah, manakala mekanisme kawalan bertindak sebagai sistem pemantauan bagi memastikan regulasi dipatuhi.³² Manakala menurut Hiroshi Motomura, peraturan imigresen merujuk kepada sistem undang-undang yang mengawal kehadiran, kemasukan, pemastautinan dan pengusiran pendatang dalam sesebuah negara. Peraturan ini menetapkan garis panduan berkenaan status pendatang, termasuk perbezaan antara kehadiran sah dan kehadiran tanpa izin (*unlawful presence*). Peraturan imigresen tidak hanya melibatkan undang-undang persekutuan, tetapi juga peranan kerajaan negeri dan tempatan dalam menguatkuasakan dasar imigresen.³³



Penguburan identiti boleh didefinisikan sebagai satu proses di mana identiti individu atau kumpulan tertentu disenyapkan, diabaikan atau dipadamkan daripada wacana sosial, politik dan budaya. Proses ini boleh berlaku secara sengaja atau tidak sengaja melalui tindakan seperti mengabaikan kewujudan kumpulan tertentu dalam sejarah rasmi, mengetepikan perspektif mereka dalam wacana akademik atau tidak mengiktiraf sumbangan mereka dalam pembangunan masyarakat. Penguburan identiti juga boleh terjadi apabila kumpulan yang dominan menentukan dan mengawal naratif sejarah serta budaya, sekali gus membentuk persepsi umum yang mengutamakan identiti tertentu sambil menenggelamkan identiti lain. Hal ini boleh berlaku melalui

³² Liv Bjerre, Marc Helbling, Friederike Römer, dan Malisa Zobel. "Conceptualizing and measuring immigration policies: A comparative perspective." *International Migration Review* 49, no. 3 (2015): 555-600.

³³ Hiroshi Motomura, "Immigration Outside the Law," *Columbia Law Review* 108 (2008): 2037-2098.





kawalan terhadap sistem pendidikan, media dan dasar kerajaan yang tidak memberikan ruang kepada kumpulan yang kurang berpengaruh untuk mengekspresikan identiti mereka. Selain itu, penguburan identiti tidak hanya melibatkan pemadaman sejarah atau budaya tetapi juga berkaitan dengan marginalisasi dalam struktur sosial, di mana kumpulan tertentu mungkin dinafikan hak mereka untuk bersuara, diwakili atau dilihat sebagai sebahagian daripada masyarakat arus perdana.³⁴ Oleh itu, konsep ini menekankan bagaimana kuasa dan kawalan terhadap naratif sosial memainkan peranan dalam menentukan siapa yang diiktiraf dan siapa yang dipadamkan dari kesedaran kolektif.

1.11 Pembahagian Bab



Kajian ini merangkumi tujuh bab utama. Bab pertama merupakan pendahuluan yang berfungsi sebagai pengenalan kepada kajian ini. Bab ini merangkumi latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif, skop dan kepentingan kajian. Bab ini juga membincangkan metodologi yang digunakan untuk menjalankan kajian, ulasan kajian terdahulu yang berkaitan untuk mengenal pasti jurang pengetahuan kajian.

Bab dua pula meliputi latar belakang penghijrahan pendatang Filipina di Sabah. Bab ini akan memberikan gambaran sejarah yang mendalam tentang hubungan antara Sabah dan Filipina, termasuk pengaruh Kesultanan Sulu. Bab ini meneroka sejarah awal penghijrahan pendatang Filipina ke Sabah, faktor-faktor geopolitik dan ekonomi yang

³⁴ Anton Allahar, "Identity and Erasure: Finding the Elusive Caribbean," *European Review of Latin American and Caribbean Studies* 79 (2005): 125-127.





mempengaruhi migrasi serta peranan sempadan moden dalam membentuk pola penghijrahan.

Bab tiga pula menjelaskan mengenai kesan sosial dan politik akibat penghijrahan pendatang Filipina ke Sabah. Bab ini akan meneliti kesan penghijrahan terhadap struktur struktur sosial dan politik Sabah. Ia menganalisis perubahan corak pengundian yang membawa kepada perubahan demografi Sabah, etnik, budaya dan sosial akibat peningkatan bilangan pendatang Filipina. Selain itu, bab ini turut menilai pengaruh pendatang Filipina terhadap perancangan bandar, perkhidmatan awam dan pengagihan sumber di Sabah serta hubungan antara kerajaan negeri dan persekutuan.

Bab empat seterusnya memberi tumpuan terhadap kesan ekonomi penghijrahan pendatang Filipina iaitu menjelaskan kesan penghijrahan tersebut terhadap ekonomi Sabah. Bab ini menilai bagaimana penghijrahan pendatang Filipina mempengaruhi memberi kesan terhadap kebergantungan Sabah terhadap buruh asing, pasaran buruh, pengagihan pendapatan dan akses kepada peluang ekonomi. Ia juga membincangkan cabaran sosio-ekonomi yang dihadapi oleh pendatang Filipina dan bagaimana cabaran ini mempengaruhi integrasi mereka ke dalam masyarakat tempatan.

Bab lima pula akan mengupas bagaimana penghijrahan pendatang Filipina telah membawa pelbagai ancaman keselamatan kepada Sabah termasuk jenayah rentas sempadan, pencerobohan kumpulan bersenjata, dan ketidakstabilan sosial. Langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan Malaysia, seperti kawalan keselamatan melalui ESSCOM, operasi pengusiran PTI, dan kerjasama diplomatik dengan Filipina, telah membantu mengurangkan sebahagian ancaman ini, namun cabaran dalam





mengawal migrasi dan jenayah rentas sempadan masih berterusan. Oleh itu, kajian lanjut diperlukan untuk menilai keberkesanan strategi keselamatan sedia ada serta merangka dasar yang lebih berkesan bagi memastikan keselamatan Sabah dalam jangka panjang.

Bab enam seterusnya akan menganalisis strategi dalam dan luar negara Malaysia terhadap penghijrahan pendatang Filipina ke Sabah. Bab ini menilai dasar-dasar keselamatan, imigresen dan pengurusan pendatang yang telah dilaksanakan serta keberkesananannya dalam menangani cabaran-cabaran yang timbul akibat penghijrahan pendatang ke Sabah.

Akhir sekali iaitu bab tujuh iaitu bahagian kesimpulan dan cadangan. Bab ini akan merumuskan keseluruhan dapatan kajian selain turut memberikan gambaran menyeluruh mengenai implikasi penghijrahan pendatang Filipina terhadap Sabah, disertai dengan cadangan yang relevan untuk pembentukan dasar dan penyelidikan lanjut.

